

Majlis Perasmian Muzium Ibrahim Hussein

Langkawi, 4 November 2000

Saya mengucapkan terima kasih kepada Dato Ibrahim Hussein kerana menjemput saya untuk merasmikan Muzium Ibrahim Hussein pada hari ini.

2. Muzium Ibrahim Hussein yang baru dan tersergam indah didirikan dengan sokongan dan bantuan daripada Kerajaan Negeri Kedah dan ramai penderma yang ingin melihat adanya satu galeri seni lukis untuk masyarakat artis di Malaysia mempamerkan kematangan karya mereka. Bentuk dan hiasannya yang direka serba lengkap merupakan salah satu mercu-tanda keupayaan dan kemajuan seni lukis negara. Saya harap agar Muzium ini bersama seluruh tenaga Yayasan Muzium dan Kebudayaan Ibrahim Hussein serta institusi seni yang lain akan dapat meletakkan Malaysia sebagai negara yang berupaya menjadi pusat kecemerlangan seni dan kebudayaan bertaraf dunia setanding dengan institusi yang seumpamanya.

3. The story of the Ibrahim Hussein Museum & Cultural Foundation is a story of passion, the driving force that inspires artists to translate what they see and experience into works of art which give joy and stimulate the minds of ordinary men and women. Ibrahim Hussein or Ib as he is known to friends and art lovers has gained many awards and it is his idea to create this unique art gallery and museum as his legacy to Malaysian Arts. He saw the paradise on which the Museum stands as the perfect site, and when the Kedah State Government, supported by the Federal Government, donated this beautiful piece of property to the Foundation, the dream started to take shape.

4. Established in 1991, the Ibrahim Hussein Museum & Cultural Foundation is a non-profit, non-government organisation dedicated to promotion, development and advancement of art and culture. Ib, his wife Sim, and the Foundation's Board of Trustees including Professor Klaus Schwab of Switzerland and Mr Ramon Castellanos of Spain, have been continuously solidating for sponsorships for the Museum's development and construction. It took them nine long years to reach this stage of their dream, an imposing architectural masterpiece by one of Malaysia's better architects, Datuk Lim Chong Keat. What this group calls 'blood, sweat and tears', I simply call 'passion'. People with a lesser degree of commitment would have given up. But they have always believed in the power of persistence and dedication to a worthy cause. The result? Malaysia's timeless gift to the international art world of which each of you is a part.

5. It is altogether fitting that the official opening of the Ibrahim Hussein Foundation Museum coincides with the culmination of the inaugural Langkawai International Festival of Arts, the Foundation's first project, which is held with the help of LADA and the White Helmets Foundation in Europe. Indeed these are two auspicious occasions worth celebrating, with all you distinguished artistes from all over the world as witnesses, to this historic moment in the Malaysian art world.

6. Prasarana budaya yang canggih, yang telah

dibangunkan sekitar tiga tahun ini seperti Istana Budaya, Dewan Filharmonik Petronas serta yang terbaru kita lancarkan iaitu Balai Seni Lukis Negara, adalah sumbangan pihak Kerajaan kepada usaha membangunkan seni budaya dan seterusnya peradaban dan tamadun kita. Pencapaian dan kejayaan pelukis-pelukis tanah air sehingga bertaraf dunia tidak dapat dinafikan lagi dan hasil karya mereka telah menjadi milik dan kebanggaan warga antarabangsa. Malah hasil karya ini pernah ditawarkan hingga mencecah jutaan Ringgit. Kejayaan ini perlu dipertahan dan diteruskan lagi dan bakat- bakat muda pula perlu memberanikan diri untuk menjelajah dan meneroka dunia seni dan sanggup menyahut cabaran sebagaimana generasi terdahulu.

7. Kerajaan juga turut memberi pengiktirafan kepada penggiat seni dan karyawan melalui Skim Anugerah Seni Negara serta Skim Pembiayaan Seni seperti kemudahan pengecualian cukai pendapatan korporat dan individu ke atas nilai penajaan, sumbangan dan pembelian terhadap karya-karya seni lukisan yang dihadiahkan kepada institusi-institusi seni Kerajaan. Skim ini merupakan insentif yang boleh menggalak dan merangsangkan lebih banyak lagi aktiviti kesenian khususnya kepada artis, penggiat dan seniman.

8. Seluruh dunia berbangga dengan memiliki khazanah negaranya yang tidak terhingga nilainya. Usaha mengembalikan karya seni milik anak watan ke negara sendiri merupakan satu usaha memartabatkan seni budaya bangsa dan kebanggaan negara. Malahan mendapatkan hasil karya agung dari luar juga adalah satu kemegahan. Sudah tentu peranan ini turut juga menjadi agenda utama Muzium Ibrahim Hussein dan galeri-galeri seni milik korporat, perbankan dan individu selain mengadakan aktiviti sendiri untuk sama-sama menjayakan konsep tanggungjawab sosial serta rakan perkongsian pintar.

9. Dalam usaha meningkatkan khalayak seni, khususnya seni lukis, peranan Muzium Ibrahim Hussein sebagai pusat maklumat yang berintegrasi selain sebagai gedung seni adalah untuk memberi bimbingan, khidmat nasihat dan rujukan, latihan kepakaran dalam semua aspek seni tampak dan seni lukis. Dalam hal ini kita juga harus mengesan di samping sentiasa sensitif dan sedar akan kehendak, harapan dan keinginan masyarakat Malaysia yang semakin matang dan maju.

10. Pembangunan khalayak seni perlu digerakkan dari sekarang dan menjadi sebahagian daripada strategi pemasaran seni. Usaha mempertahankan khalayak yang setia serta penambahan khalayak yang baru akan memakmurkan lagi Muzium ini. Memasyarakatkan seni lukis sepatutnya tidak menjadi asing di negara kita kerana kita harus membangunkan komuniti seni di Malaysia di alaf baru ini.

11. Pulau Langkawi yang terkenal sebagai destinasi pelancongan dan percutian utama di negara ini akan lebih dikenali di peringkat antarabangsa dengan adanya Festival Kesenian Antarabangsa Langkawi (LIFA) dan

Pulau Legenda ini juga mampu mencapai taraf 'global art resort' setelah mengukir nama di dalam industri pertahanan laut dan udara yang diadakan melalui LIMA setiap dua tahun sekali.

12. Justeru, Muzium Ibrahim Hussein serta Ahli Lembaga Amanah Yayasan Muzium dan Kebudayaan Ibrahim Hussein bersama LADA perlu menggembeng tenaga untuk mendapatkan penyertaan berkualiti di peringkat antarabangsa dan juga di kalangan rakyat Malaysia. Jaringan kerjasama dengan institusi-institusi seni luar negara dan keakraban bersama galeri-galeri seni tempatan, amat diperlukan bagi menjayakan pelbagai program yang direncanakan.

13. Pencapaian seni tampak tidak akan bermakna tanpa nilai-nilai murni serta kemampuan menyesuaikan dan menempatkan diri di dalam arus pembangunan dan perubahan. Di Malaysia sendiri, evolusi seni berhubungkait malahan tidak terasing dengan perubahan besar di dalam aspek sosial, intelektual dan teknologi abad ke-20 dan bersedia menghadapi abad ke-21.

14. Keperluan kepada pembaharuan, motivasi ke arah penerokaan yang berinovasi tinggi dan cemerlang serta kefahaman yang mendalam di dalam berkarya, perlu mengambilkira peradaban agung dunia dan pembaharuan kehidupan kemanusiaan supaya seni itu akan dapat dipertahankan. Nilai-nilai baru akan terbentuk dan ini termasuk mengubah minda masyarakat di samping berupaya mengintegrasikan masyarakat. Peranan seni dalam ekonomi negara adalah penting dalam merealisasikan matlamat membangunkan kesenian dan peradaban yang unggul untuk negara.

15. Peranan seni dapat ditonjolkan sebagai citra negara yang dapat dijadikan teladan dan panduan terutamanya daripada aspek perkongsian budaya di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Seni yang bermutu tinggi dapat mempamer dan menerapkan ciri-ciri keperibadian dan imej nasional. Di sinilah akan lahirnya rasa kekaguman dan rasa kecintaan rakyat negara ini terhadap warisan seni budayanya.

16. Akhirnya dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Muzium Ibrahim Hussein.